



SURAT TAWARAN KE PEMILIHAN AKHIR CALON LASKAR MUDA LELAKI DAN WANITA TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM) SIRI 209/13

AM

1. Sukacita dimaklumkan bahawa anda telah terpilih untuk mengikuti Pemilihan Akhir Laskar Muda TLDM mulai **09 Nov 13** hingga **18 Nov 13** di KD SULTAN ISMAIL, Tg. Pengelih, 81600 Pengerang, Johor Darul Ta'zim. Sekiranya anda berjaya di dalam pemilihan tersebut anda akan terus menjalani latihan selama **6 bulan** di KD SULTAN ISMAIL.

TUJUAN

2. Arahan ini bertujuan memberi garis panduan bagi persediaan anda sebelum menghadiri pemilihan akhir dan hendaklah dibaca dengan teliti.

TEMPAT MELAPOR DIRI

3. Anda dikehendaki berada di stesen keretapi Johor Bahru atau stesen bas Larkin pada **09 Nov 13 (Sabtu)** mulai **jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang**. Wakil dari KD SULTAN ISMAIL dan Tim Pengambilan LLP akan menunggu anda di tempat tersebut dan seterusnya membawa anda ke KD SULTAN ISMAIL dengan bas sewa khas yang telah disediakan. Sekiranya selepas jam 1.00 petang pada tarikh tersebut, pergerakan anda ke KD SULTAN ISMAIL adalah urusan sendiri.

PERJALANAN

4. Segala urusan pergerakan/perjalanan adalah tanggungjawab dan **perbelanjaan anda sendiri**. Jika anda mengatur perjalanan menggunakan kenderaan sendiri, anda boleh terus ke KD SULTAN ISMAIL, Tg. Pengelih, Pengerang Johor pada tarikh yang ditetapkan.

5. Sekiranya anda gagal di dalam pemilihan akhir, anda akan diberi wahren keretapi atau bas untuk perjalanan balik ke tempat anda. **Jika anda menarik diri setelah melapor, anda terpaksa menanggung sendiri tambang perjalanan balik.**

DOKUMEN PERSENDIRIAN (DOKUMEN MESTILAH YANG ASAL)

7. Anda dikehendaki membawa dokumen-dokumen (**ASAL**) berikut tanpa gagal:
- a. Kad Pengenalan Bermutu Tinggi atau MY KAD dan **4 salinan fotostat**.
 - b. Sijil Kelahiran dan **4 salinan fotostat**.



- c. Sijil atau Slip Penyata Pelajaran PMR/SPM/SPMV/STPM/SKM dan **4 salinan fotostat**.
- d. Sijil Berhenti Sekolah dan **4 salinan fotostat**.
- e. Sijil Kerakyatan Malaysia (jika ada) dan **4 salinan fotostat**.
- f. Sijil Nikah bagi calon yang telah berkahwin dan **4 salinan fotostat**. (calon lelaki sahaja).
- g. Salinan Sijil Kelahiran Anak (**4 salinan fotostat**). (calon lelaki sahaja).
- h. Salinan Kad Pengenalan Ibu/Bapa/Penjaga (**4 salinan fotostat**).
- i. Salinan Sijil Kelahiran Ibu/Bapa/Penjaga (**4 salinan fotostat**).
- j. Surat Pengesahan (BAT B 13) daripada Ibu/Bapa/Penjaga (disertakan). Bagi calon-calon yang berumur di bawah 21 tahun.
- k. Filem X-Ray dada ukuran besar dan **laporan** oleh pakar X-Ray yang disahkan oleh **Pakar Radiologi**. Surat untuk anda memohon membuat X-Ray di hospital kerajaan ada disertakan bersama ini. Anda dikehendaki menanggung segala kos perbelanjaan yang dikenakan terhadap anda bagi mendapatkan filem dan laporan X-Ray tersebut.
- l. Gambar terkini berukuran passport **4 keping**.
- m. Calon juga dikehendaki membawa Surat Panggilan Pemilihan Akhir ini berserta sampul surat berukuran A4 bersetem RM 1.00 beralamat waris.

8. Bagi memastikan calon-calon tidak terlupa atau tertinggal sebarang dokumen atau peralatan yang diperlukan semasa proses pemilihan akhir dilaksanakan, **Senarai Semak Sebelum Hadir Pemilihan Akhir** disertakan.

PROSES PEMILIHAN

9. Proses pemilihan akhir ini akan mengambil masa selama **10 hari** dan bergantung kepada keadaan semasa bermula dari tarikh anda melapor yang merangkumi proses tapisan seperti berikut:
- a. Pemeriksaan Dokumen.
 - b. Pemeriksaan Perubatan.
 - c. Pemeriksaan Pergigian.
 - d. Ujian Ketahanan Fizikal.
 - e. Ujian Penilaian Kesihatan Mental dan Emosi (PKME).
 - f. Temuduga oleh Ketua Pegawai Pemilihan.

10. Hanya calon yang berjaya di dalam semua pemeriksaan, ujian dan temuduga di atas sahaja akan dipilih untuk menjalani latihan di KD SULTAN ISMAIL, Tg. Pengelih, Pengerang, Johor.

PAKAIAN SEMASA MELAPOR DIRI

11. Pakaian melapor diri seperti berikut:

a. Calon Lelaki. Berpakaian Seluar Slack berwarna hitam atau biru gelap, baju kemeja lengan panjang putih berkolar, kasut kulit berwarna hitam berserta sarong kaki dan rambut hendaklah digunting kemas.

b. Calon Wanita. Berpakaian Baju Kurung berwarna putih (Plain) dan kain berwarna hitam, kasut bertumit berwarna hitam (menutupi jari kaki) serta bertudung putih / rambut diikat kemas.

12. **Calon dilarang sama sekali membawa telefon bimbit, memakai atau membawa Barang Kemas, peralatan tajam/berbahaya serta ubat-ubatan yang tidak dibenarkan semasa melapor. Peralatan tersebut akan dirampas dan calon dianggap gagal.**

PAKAIAN DAN KELENGKAPAN

13. Pakaian dan kelengkapan berikut hendaklah dibawa bersama:

a. Calon Lelaki.

(1) Pakaian awam secukupnya (Seluar *jeans* tidak dibenarkan).

(2) Baju 'T' berkolar berwarna Biru atau Putih, seluar sukan (*Track Suit*) dan kasut sukan.

(3) Pakaian kebangsaan lengkap (mereka yang beragama Islam).

(4) Seluar mandi (*swimming trunk*).

(5) Alat pencukur, selipar dan peralatan mandi.

(6) Peralatan tulis secukupnya.

(7) Cadar dan sarung bantal.

b. Calon Wanita.

(1) Baju Kurung (Perbagai Warna) - 3 pasang.

(2) Baju 'T' berkolar Lengan Panjang berwarna Biru atau Putih, seluar sukan (*Track Suit*) dan kasut sukan.

(3) Barang-barang keperluan peribadi/persendirian wanita secukupnya.

- (4) Bagi yang beragama Islam:
 - (a) Tudung (Paras Bahu) berwarna putih - 2 pasang.
 - (b) Anak Tudung berwarna Hitam - 2 pasang.
 - (c) Telekung - 2 pasang.
- (5) Selipar dan peralatan mandi.
- (6) Peralatan tulis secukupnya.
- (7) Cadar dan sarung bantal.

LAIN-LAIN KEPERLUAN

14. Wang keperluan secukupnya semasa pemilihan akhir dan juga semasa menjalani latihan. Gaji bulanan Laskar Muda akan dibayar sekiranya anda terpilih menjalani latihan.


PENGESAHAN KEHADIRAN

15. Anda dikehendaki mengesahkan kehadiran anda di ruangan "Pengesahan Kehadiran" secara *online* sebelum **25 Okt 13** atau hubungi pihak kami di talian 03-20716925 untuk sebarang pertanyaan.

16. Sekiranya anda masih bekerja/belajar, anda dinasihatkan mengambil cuti daripada majikan/institusi pengajian sebelum menghadiri pemilihan akhir. Sel Promosi Kerjaya dan Pengambilan LLP TLDM, Cawangan SM-Khidmat Bantuan, Markas Tentera Laut, tidak akan bertanggungjawab sekiranya anda diberhentikan setelah **GAGAL** di pemilihan akhir.

PENUTUP

17. Semoga dengan maklumat ini anda dapat membuat persiapan sewajarnya sebelum melapor diri.



ARIFF FIRDAUS BIN ANASIPUDIN
Lt Kdr TLDM
bp Panglima Tentera Laut

Disertakan:

1. Senarai Semak Sebelum Hadir Pemilihan Akhir.
2. BAT B 13 - 1 Salinan.
3. Surat Permohonan membuat filem X-Ray.